

Harian Metro 12/05/2010

Gladys diumumkan pelajar terbaik SPM 2009

PUTRAJAYA: Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Green Road, Kuching, Sarawak, Gladys Tan Yee Kim (*gambar*) diumumkan pelajar terbaik Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2009 apabila memperoleh keputusan 10A+ dalam semua mata pelajaran diduduki manakala Sekolah Menengah Sains Seremban, Negeri Sembilan diumumkan se-



kolah terbaik. Pengumuman itu dibuat Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Alimuddin Mohd Dom ketika mengumumkan Analisis Keputusan SPM dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) di Kementerian Pelajaran di sini, semalam. Beliau turut mengumumkan sembilan lagi pelajar terbaik SPM 2009 iaitu Grace

Kiew Sze-Ern dari SMK Perempuan Seri Aman, Petaling Jaya, Selangor; Khadijah Ahmad Jais dari SM Agama Persekutuan Labu, Negeri Sembilan; Akmal Hidayat Sabri dari SMK Derma, Kangar, Perlis dan Syamilah Mahali dari Kolej Tunku Kurshiah Seremban, Negeri Sembilan. Pelajar lain termasuk Lee Wei Ling dan Corrine Gunn Huey Min dari SMK Taman

Melawati, Selangor; Nur Syuhadah Muhammad dari SM Sains Tengku Muhammad Faris Petra, Kota Bharu, Kelantan; Lai Yin Kwin dari SMK Tinggi Melaka, Melaka dan Hu May Khei dari SMK Convent, Taiping, Perak. Sementara sembilan lagi sekolah terbaik adalah Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) Gombak, Jalan Sungai Pusu, Gombak,

Selangor; Sekolah Menengah Sains Alam Shah, Kuala Lumpur; Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang, Selangor; Sekolah Tun Fatimah, Johor Bahru, Johor; SBPI Rawang, Selangor; Sekolah Menengah Sains Muar, Johor; SBPI Temerloh, Pahang; SMK Infant Jesus Convent, Johor dan Kolej Tunku Kurshiah, Seremban, Negeri Sembilan.